

UCAPAN PERDANA MENTERI MELANCARKAN RANCANGAN BUKU HIJAU DI BILIK GERAKAN PERDANA MENTERI, JALAN DATUK ONN, KUALA LUMPUR PADA 20HB DISEMBER, 1974

Saudara-saudara sekalian.

Seperti yang saya maklumkan pada Persidangan Khas UMNO baru-baru ini, Kerajaan kita akan melancarkan satu gerakan besar-besaran dengan tujuan supaya Negara kita ini akan dapat menghasilkan bahan-bahan makanan untuk secukupnya atau kalau boleh berlebihan dari secukupnya. Saya telah memilih hari ini untuk melancarkan Rancangan Buku Hijau ataupun Gerakan Bumijaya.

Rancangan ini sangat besar maknanya kepada negara kita, terutama dalam masa kita sedang menghadapi masalah inflasi serta ekonomi yang merosot atau stagflasi ini. Oleh yang demikian, amatlah penting dan mustahak kita menjayakan dengan sepenuhnya rancangan ini supaya segala bahan makanan yang diperlukan oleh negara kita yang kaya dengan hasil bumi dan tanahnya yang cukup subur, dapat kita hasilkan sendiri.

Saudara-saudara sekalian.

Rancangan Buku Hijau ini ialah satu-satunya tindakan positif untuk membantu rakyat mengatasi masalah-masalah yang kita hadapi akibat daripada inflasi yang menimpa kita bukan saja di Malaysia ini tetapi juga di seluruh dunia.

Sebagaimana yang sedia dimaklum, inflasi ini berpunca dari luar dan melibatkan barang-barang yang diimpot. Tetapi ini tidaklah habis di sini saja bahkan turut pula menyebabkan kenaikan harga barang-barang lain termasuk bahan makanan. Kenaikan bahan-bahan mentah untuk perindustrian telah juga mengakibatkan industri-industri ini mengurangkan pengeluaran.

Syukur Alhamdulillah, keadaan di negara kita tidaklah begitu berat seperti di negara jiran kita. Saya rasa inilah waktunya kita menimbangkan kedudukan ini dengan seberapa teliti dan seluruh tenaga mestilah digembelangkan untuk menghasilkan pengeluaran hasil makanan yang lebih banyak.

Tujuan utama Rancangan Buku Hijau ini ialah untuk menambahkan hasil makanan dengan memaksimumkan penggunaan tanah. Perlu ditekankan di sini bahawa perkara yang dipentingkan dalam Rancangan Buku Hijau ialah penggunaan tanah dan bukan hakmilik atas tanah itu. Kita tahu, di setiap negeri Kerajaan telahpun memberikan banyak tanah kepada rakyat, tetapi dukacita saya nyatakan bahawa masih banyak tanah-tanah yang tidak diusahakan.

Pada masa ini ada lebih kurang dua juta ekar tanah yang telah diberi hakmilik tetapi belum lagi diusahakan. Oleh itu kita patutlah mementingkan segi penggunaan lebih daripada milik.

Rancangan Buku Hijau ini sebenarnya adalah lanjutan dan menjadi sebahagian daripada Gerakan Pembaharuan yang saya lancarkan dalam tahun 1972 dulu. Rancangan ini menghendaki rakyat mengambil bahagian yang lebih giat lagi dalam memajukan bidang ekonomi, lebih-lebih pula dalam sektor pertanian. Saya harap rakyat baik di luar bandar mahupun mereka yang diam di bandar akan memberikan sokongan sepenuhnya untuk menjayakannya demi kepentingan mereka sendiri dan juga negara.

Rancangan-rancangan yang diaturkan dalam Buku Hijau ini termasuklah antaranya menggalakkan tanaman jangka pendek iaitu tanaman selingan dan bukan selingan seperti jagung, sekoi dan kacang tanah; menggalakkan ternakan seperti ayam itek dan kerbau lembu; dan menggalakkan pemeliharaan ikan air tawar.

Ketiga-tiga kategori ini adalah rancangan-rancangan yang cepat mendatangkan hasil dan seterusnya menambah pendapatan rakyat.

Bagi pihak Kerajaan pula, langkah-langkah akan diambil bagi melicinkan sistem pemasaran melalui FAMA, Lembaga Pertubuhan Peladang dan lain-lain agensi pertanian bagi menentukan bahawa hasil-hasil rancangan di atas dapat dipasarkan dengan harga yang munasabah.

Di samping itu Kerajaan akan mempesatkan lagi pelaksanaan projek-projek kecil secara gotong-royong untuk melibatkan rakyat dalam usaha-usaha pembangunan infrastruktur di tempat masing-masing.

Saudara-saudara sekalian.

Sudah tentulah perkara yang penting dititikberatkan dalam Buku Hijau ini ialah mengemaskan keseluruhan jentera pentadbiran

Kerajaan bagi mengawasi pelaksanaan rancangan-rancangan yang terkandung di dalamnya. Sebagaimana kita menjalankan Buku Merah dahulu, maka Buku Hijau ini akan memastikan agar jentera Kerajaan bergerak dengan lebih teratur dan lebih selaras lagi terutamanya di peringkat daerah.

Dalam hubungan ini juga, jentera yang amat penting dalam strategi Buku Hijau ini ialah Jawatankuasa Kemajuan Kampung yang bertanggungjawab menggerakkan tenaga masyarakat tempatan untuk melipatgandakan pengeluaran bahan makanan dan mengusahakan tanah dengan sepenuhnya. Jawatankuasa Kemajuan Kampung haruslah bekerja rapat dengan agensi-agensi pertanian seperti Lembaga Pertubuhan Peladang, RISDA, FAMA dan Jabatan Pertanian untuk mencapai matalamat yang tersebut tadi. Tiap-tiap kampung akan dikehendaki mengadakan Papan Hijau bagi menunjukkan maklumat penting seperti luas tanah yang boleh digunakan, jenis tanaman, hasil pengeluaran dan matalamat yang hendak dicapai.

Begitu juga, Jawatankuasa Tindakan Daerah dikehendaki memainkan peranan yang lebih besar untuk merancang dan melaksanakan program-program pembangunan di daerah masing-masing. Jawatankuasa Tindakan Daerah, dengan bantuan agensi-agensi pertanian bertanggungjawab menentukan kawasan-kawasan penanaman dan jenis-jenis tanaman yang patut digalakkan pada satu-satu masa atau musim. Ia hendaklah juga bertanggungjawab agar rancangan khas ini berjaya sepenuhnya. Butir-butir mengenai rancangan-rancangan ini akan dipamirkan di Bilik Gerakan Daerah masing-masing supaya setiap maklumat dan kemajuan dapat di-monitor pada setiap masa.

Untuk memastikan rancangan-rancangan dalam Buku Hijau ini dilaksanakan dengan pesatnya, lawatan-lawatan yang lebih kerap akan dibuat oleh Menteri Besar/Ketua Menteri dan Menteri-menteri Kerajaan Pusat. Di peringkat Pusat, saya sendiri, Datuk Hussein Onn, Encik Abdul Ghafar Baba dan Tan Sri Ghazali Shafie akan bertanggungjawab terus mengesan kejayaan pelaksanaan Rancangan Buku Hijau ini. Kami akan membuat lawatan ke daerah-daerah dan secara mengejut mulai daripada bulan Mac 1975, iaitu dua bulan selepas tiap-tiap daerah menerima arahan membuat persediaan.

Sekretariat atau Urusetia Buku Hijau ini bertempat di Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan dan Kemajuan Pentadbiran, Jabatan

Perdana Menteri. Dua orang pegawai Bahagian Penyelarasan, dua orang pegawai daripada Kementerian Pertanian, seorang pegawai FAMA dan seorang pegawai dari Bahagian Perancang Ekonomi akan tugaskan sebagai satu pasukan kerja (Task Force) untuk mengesan dan menilai kemajuan Rancangan Buku Hijau di setiap tempat dari seluruh negara.

Di peringkat Negeri, penyelarasan rancangan ini ialah tanggungjawab Pegawai Kemajuan Negeri dan pasukannya.

Di peringkat Daerah pula, Pegawai-pegawai Daerah sebagai Pengerusi Jawatankuasa Tindakan Daerah bertanggungjawab penuh terhadap perancangan dan pelaksanaan rancangan-rancangan di daerah masing-masing. Pegawai-pegawai Daerah mestilah memberikan tumpuan sepenuhnya terhadap rancangan-rancangan yang telah ditetapkan itu dan memastikan kejayaannya. Oleh yang demikian, saya mahu melihat tugas utama pegawai-pegawai Daerah ialah menentukan pelaksanaan rancangan-rancangan Buku Hijau ini. Oleh itu, Pegawai-pegawai Daerah hendaklah mengurangkan penglibatan mereka dalam pertubuhan-pertubuhan sosial atau sukarela supaya mereka benar-benar dapat memberikan perhatian sepenuhnya kepada kemajuan rancangan ini di daerah masing-masing di samping usaha-usaha pembangunan ekonomi yang sedia ada.

Saya juga ingin segala rancangan yang terdapat dalam Buku Hijau ini dimasukkan secara langsung dalam Rancangan Pembangunan Malaysia Ketiga.

Dengan ini saya dengan sukacitanya melancarkan Rancangan Buku Hijau atau Bumijaya ini. Mudah-mudahan Allah s.w.t. makbulkan cita-cita kita serta memberikan semangat dan ilham kepada setiap rakyat untuk menjayakan rancangan besar-besaran ini.